

D160

U B058 AAB

BN - MCA (LEAD)

(1)

KUALA LUMPUR, 17 OGOS (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL MEMBERI TEMPOH TIGA BULAN KEPADA MCA UNTUK MENYELESAIKAN KRISISNYA, YANG JIKA GAGAL JUGA MCA BERSETUJU SECARA SUKARELA KELUAR DARIPADA BN.

TIMBALAN Pengerusi BN Datuk Musa Hitam mengumumkan demikian dalam satu kenyataan yang dibacakannya kepada para pemberita selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi selama dua setengah jam di Ibu Pejabat BN di sini hari ini.

Kenyataan itu berbunyi: +SELEPAS BERBINCANG DENGAN MENDALAM DENGAN MEMBERI PERTIMBANGAN KEPADA PERKARA YANG BERKAITAN DAN KESANNYA TERHADAP BARISAN NASIONAL SERTA KESTABILAN POLITIK NEGARA, WAKIL MCA YANG TERDIRI DARIPADA DATUK MAK HON KAM DAN DATUK DR. NEO YEE PAN TELAH MEMBERI PENGAKUAN BAHAWA MCA AKAN MENYELESAIKAN KRISISNYA DALAM MASA TIGA BULAN DAN SEKIRANYA TIDAK DAPAT MENYELESAIKANNYA DALAM JANGKA MASA ITU, MCA AKAN MENGUNDURKAN DIRI DARIPADA BN UNTUK TERUS BERUSAHA BAGI MENYELESAIKAN KRISISNYA.+

SEBELUM ITU, Pengerusi BN Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata bahawa perbincangan mengenai krisis MCA itu mendapat persetujuan dua wakil MCA, Datuk Mak dan Datuk Dr. Neo.

Beliau kemudian meminta Datuk Musa membacakan kenyataan yang telah disediakan itu. -- LAGI
1427MST 17 08 85

D169

U B064 AAB

BN - MCA 2 KUALA LUMPUR (LEAD)

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir, berkata perbincangan itu hanya diadakan setelah kedua-dua wakil MCA tiba bersama yang terlewat kira-kira 50 minit.

Katanya, Mesyuarat hari ini yang dihadiri oleh semua komponen parti mempersetujui permintaan itu kerana + kami semua percaya MCA harus diberikan peluang menyelesaikan krisis mereka.+

Dalam sidang akhbar itu, Datuk Seri Dr. Mahathir yang diapit oleh Datuk Musa di sebelah kirinya dan Setiausaha Agung BN, Encik Ghafar Baba, di kanannya, juga mengumumkan bahawa Datuk Dr. Neo diminta melepaskan jawatannya sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Berkuatkuasa semalam dan Datuk Mak memberitahu Mesyuarat itu bahawa beliau adalah pemangku Presiden MCA.

Ketika ditanya sama ada wakil-wakil MCA memberitahu Mesyuarat itu mengenai cara-cara menyelesaikan krisis itu, beliau berkata ia tidak dinyatakan tetapi jelas ia akan memuaskan hati semua pihak terbabit.

Katanya, kenyataan oleh kedua-dua pemimpin MCA itu dibuat secara lisan di hadapan semua pemimpin BN. + BN mahukan kenyataan itu dibuat dengan baik.+ -- LAGI
1446MST 17 08 85

BN - MCA 3 KUALA LUMPUR (LEAD)

KETIKA DITANYA APAKAH SEBAB DATUK NEO DIMINTA MELEPASKAN JAWATANNYA SEBAGAI MENTERI KABINET, DATUK SERI DR. MAHATHIR ENGGAN MENGULASNYA HANYA BERKATA BAHAWA IA DILAKUKAN DI ATAS HAK MUTLAK PERDANA MENTERI.

BELIAU JUGA ENGGAN MENGULAS SAMA ADA IA DIBUAT KERANA BELIAU (DATUK DR. NEO) TELAH MENJADI +PENGHALANG+ DALAM USAHA MENYELESAIKAN KRISIS ITU.

BAGAIMANAPUN, APASILA DITEKANKAN LAGI PERSOALAN ITU, BELIAU BERKATA BAHAWA ADA BEBERAPA PERMINTAAN DARIPADA BEBERAPA PIHAK TERUTAMA DALAM KOMUNITI CINA SUPAYA DATUK DR. NEO MELEPASKAN JAWATAN PEMANGKU PRESIDEN MCA.

KETIKA DITANYA SAMA ADA DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN ITU (MENAMATKAN JAWATAN DATUK NEO SEBAGAI MENTERI), IA DILAKUKAN SETELAH DIFIKIR PANJANG DAN SECARA HALUS, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB: +SAYA BIASANYA BERFIKIR SECARA HALUS DAN PANJANG LEBAR SEBELUM MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN. SAYA RASA SAYA TELAH MELAKUKAN PERKARA YANG BETUL.+

PERDANA MENTERI MENDEDAHKAN BAHAWA BELIAU MENEMUI DATUK DR. NEO PADA HARI SELASA SETELAH BELIAU (DATUK DR. NEO) PULANG DARIPADA PERCUTIANNYA DI SEOUL.

DALAM PERTEMUAN ITU, KATA BELIAU, DATUK DR. NEO MENGULANGI KEPUTUSANNYA TIDAK AKAN MELEPASKAN JAWATANNYA SEBAGAI PEMANGKU PRESIDEN MCA WALAUPUN ADA USAHA KALANGAN PEMIMPIN MCA TERTENTU YANG MEMINTANYA MELETAKKAN JAWATAN ITU.

-- LAGI

1458MST 17 08 85

U B076 AAB

BN - MCA 4 KUALA LUMPUR (LEAD)

KETIKA DITANYA SAMA ADA BENAR ATAU TIDAK BAHAWA SATU PERWAKILAN MCA TELAH PERGI KE SEOUL UNTUK MEMINTA DATUK DR. NEO MELETAKKAN JAWATANNYA DAN BELIAU MENGETAHUINYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU DIBERITAHU MENGENAI PERKARA ITU DAN LEBIH-LEBIH LAGI ADA BEBERAPA ORANG MENTERI YANG MEMERLUKAN KELULUSANNYA UNTUK PERGI KELUAR NEGERI.

KETIKA DITANYA MENGENAI PERASAANNYA DI ATAS PENAMATAN JAWATAN DATUK DR. NEO ITU, BELIAU BERKATA, + PERASAAN SAYA MENGENAI ISU INI BUKANLAH PENTING SANGAT. APA YANG TERJADI KEPADA NEGARA, MCA, KOMUNITI CINA DAN BN ADALAH LEBIH PENTING.+

MENGENAI REAKSI DATUK DR. NEO TERHADAP PERKARA ITU PULA, BELIAU BERKATA DATUK DR. NEO KELIHATAN TENANG DAN MENERIMA KEPUTUSAN PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KEKOSONGAN JAWATAN DATUK DR. NEO ITU TIDAK AKAN DIISI BUAT SEMENTARA WAKTU.

KETIKA MENJAWAB SOALAN MENGENAI KEDUDUKAN MENTERI-MENTERI MCA YANG LAIN DALAM KABINET, BELIAU BERKATA, MEREKA MASIH MEMEGANGNYA. MENTERI-MENTERI LAIN DARIPADA MCA IALAH DATUK MAK HON KAM (BURUH), DATUK CHIN HON NGIAN (KESIHATAN) DAN TAN SRI CHONG HON NYAN (PENGANGKUTAN).

DI SAMPING ITU, MCA JUGA DIWAKILI OLEH TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DATUK DR. LING LIONG SIK DAN DATUK LEE KIM SAI SEMENTARA ENCIK YEOP HOH SAN SEBAGAI SETIAUSAHA PARLIMEN. -- LAGI

1519MST 17 08 85

BN - MCA 5 KUALA LUMPUR (LEAD)

MENGENAI PERSOALAN SIAPAKAH YANG DIIKTIRAF OLEH BN SEBAGAI PEMANGKU PRESIDEN RASMI MCA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DATUK MAK TELAH MEMBERITAHU MESYUARAT ITU BAHAWA KINI BELIAULAH PEMANGKU PRESIDEN MCA.

+PENYELESAIAN OLEH PARA ANGGOTA MCA SENDIRI MENGENAI SIAPA PRESIDEN MCA, ADALAH LEBIH BAIK.+

BAGI MESYUARAT INI, BN MENGIKTIRAF KEDUA-DUA DATUK MAK DAN DATUK DR. NEO SEBAGAI WAKIL MCA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU DENGAN CEPAT MENEKANKAN BAHAWA BN TIDAK TERBABIT DALAM MENENTUKAN PEMILIHAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MCA.

KATANYA, SETAKAT YANG DIKETAHUIINYA, PERHUBUNGANNYA DENGAN SEMUA PIHAK DALAM MCA MASIH BAIK. + SAYA BERCAKAP DENGAN SEMUA PEMIMPIN DAN ANGGOTA MCA. SAYA TIDAK BERTANYAKAN KAD KEANGGOTAAN MCA MEREKA APABILA SAYA MAHU BERCAKAP DENGAN MEREKA.+

SEBELUM ITU KETIKA DITANYA SAMA ADA MESYUARAT ITU DIBERITAHU OLEH DATUK MAK DAN DATUK DR. NEO MENGAPAKAH MEREKA TERLEWAT MENGHADIRI MESYUARAT, BELIAU BERKATA KEDUA-DUANYA MEMINTA MAAF KERANA TERLEWAT.

+MUNGKIN MEREKA CUBA MENYELESAIKAN KRISIS ITU PADA SAAT-SAAT TERAKHIR. IA HANYA TEKAAN SAYA,+ KATANYA. -- LAGI

1526MST 17 08 85

U B104 AAB

BN - MCA 6 KUALA LUMPUR (LEAD)

MENURUT SUMBER-SUMBER, DATUK MAK DAN DATUK DR. NEO TELAH BERBINCANG DI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN SELAMA SEJAM SEBELUM BERANGKAT KE BANGUNAN UMNO KIRA-KIRA PUKUL 10.40 PAGI.

KETIKA MENJAWAB SOALAN APAKAH KESANNYA JIKA PEMILIHAN DIADAKAN DALAM TEMPOH TIGA BULAN INI KETIKA KRISIS TELAH DISELESAIKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MERAMALKAN BAHAWA KEPUTUSANNYA AKAN BAIK KEPADA BN.

KETIKA DITANYA BILAKAH MAJLIS TERTINGGI BN AKAN MENGADAKAN MESYUARATNYA AKAN DATANG, BELIAU BERKATA IA AKAN DIADAKAN DI SARAWAK, TETAPI TARIKHNYA BELUM DITETAPKAN.

DATUK MAK DAN DATUK DR. NEO YANG TERAKHIR TIBA DALAM MESYUARAT ITU, MERUPAKAN YANG TERAWAL PULA MENINGGALKAN BILIK PERSIDANGAN APABILA MESYUARAT SELESAI.

MEREKA DISERBUI OLEH PARA PEMBERITA DAN JURU GAMBAR YANG BEREPUT-REPUT HENDAK MENGHAMPIRINYA.

PRESIDEN MIC DATUK S. SAMY VELLU YANG BERADA DI BELAKANG KEDUA-DUA PEMIMPIN MCA ITU DIDENGARI MERAYU PARA PEMBERITA DAN JURUGAMBAR ITU SUPAYA MEMBERI LALUAN KEPADA MEREKA DAN MENYATAKAN BAHAWA BERITA (MENGENAI MESYUARAT ITU) BOLEH DIDAPATI DARIPADA PERDANA MENTERI.

SEBELUM ITU, WAKIL-WAKIL MEDIA MASSA TIDAK DIBENARKAN MASUK KE TINGKAT SATU BANGUNAN UMNO DAN TELAH BERKUMPUL DI PINTU MASUK BANGUNAN SEPANJANG MESYUARAT BERLANGSUNG.

KAWALAN KESELAMATAN DI SEKITAR BANGUNAN ITU JUGA KETAT. -- BERNAMA

1547MST 17 08 85